



19 APR, 2026

BERASAU KINI DAPAT ELEKTRIK 24 JAM

Metro Ahad, Malaysia



Kluang

Kampung Orang Asli (KOA) Berasau di sini mencatat sejarah tersendiri apabila menjadi kampung Orang Asli pertama di kawasan pedalaman yang jauh dari jalan utama di negara ini menerima bekalan elektrik 24 jam melalui sistem solar bersepadu tanpa bergantung kepada grid awam.

Projek di bawah Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melalui inisiatif Kampung Angkat MADANI (KAM) itu turut merangkumi pembinaan balai raya berbumbung solar tertutup yang menjadi pusat aktiviti komuniti, selain memberi manfaat kepada lebih 20 rumah di kampung berkenaan.

Sistem berkenaan menggunakan teknologi solar fotovoltaik (PV) luar grid (*off-grid*) dengan kapasiti melebihi 50 kilowatt puncak serta sistem penyimpanan tenaga bateri sebanyak 516 kilowatt jam, sekali gus membolehkan bekalan elektrik berterusan di kawasan yang sebelum ini bergantung kepada generator.

Projek itu dilaksanakan PETRA dengan kerjasama Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA), Jabatan Kerja Raya (JKR) serta agensi Persekutuan dan Kerajaan Negeri Johor sebagai usaha memperluas akses tenaga bersih di kawasan pedalaman.

Bagi penduduk, khususnya generasi muda dan keluarga di kampung itu, kemudahan elektrik 24 jam membawa perubahan ketara kepada kehidupan harian yang sebelum ini terhad kepada penggunaan generator.

Ketua Masyarakat Kampung Orang Asli Berasau, Sari Achu, 51, berkata, penduduk kini dapat menikmati kemudahan asas yang telah lama dinantikan.

"Selama ini kami hanya guna generator dan beka-



DR Abdul Muhaimin (tengah) menunjukkan sebahagian daripada 85 keping panel solar yang digunakan bagi menampung keperluan elektrik 25 buah rumah orang asli, di Kampung Orang Asli Berasau, Kahang. Turut terbabit (dari kiri), Penolong Jurutera Elektrik, Adira Liun, Jurutera Elektrik, Mohd Quyyum Ab Rahman, Jurutera Elektrik, Atza Nor Izzati Azmi dan Jurutera Elektrik Kanan, Nor Isdawati Ismail.

SISTEM SOLAR OFF-GRID

BERASAU KINI DAPAT ELEKTRIK 24 JAM

lan elektrik terhad pada waktu malam sahaja. Sekarang kami sangat bersyukur kerana kampung ini akhirnya dapat menikmati bekalan elektrik berterusan," katanya ketika ditemui Bernama selepas majlis perasmian Projek Kampung Angkat MADANI PETRA, di sini.

Sari berkata, kemudahan itu memberi kesan langsung kepada pendidikan anak-anak serta aktiviti

ekonomi kecil penduduk.

"Anak-anak kini boleh belajar dengan lebih selesa pada waktu malam. Kami yang bekerja sebagai nelayan darat juga dapat menyimpan hasil tangkapan dengan lebih baik," katanya.

Selain itu, Sari berkata, balai raya berasaskan tenaga solar itu turut membuka ruang kepada aktiviti komuniti termasuk program pendidikan, perte-

muan penduduk dan kegiatan sosial setempat.

Terdahulu, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Fadillah Yusof yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) merasmikan Projek Kampung Angkat MADANI PETRA di kampung berkenaan, semalam.

Beliau berkata, penggunaan sistem solar luar grid itu dipilih memandangkan cabaran penyediaan grid

elektrik konvensional yang memerlukan tempoh panjang serta melalui kawasan hutan simpan dan tanah persendirian.

"Kejayaan pelaksanaan projek di kampung ini dijangka menjadi model rujukan kepada pelaksanaan inisiatif seumpamanya di penempatan Orang Asli lain, khususnya di kawasan pedalaman yang masih belum menikmati bekalan elektrik berterusan secara

stabil," katanya.

Sementara itu, Jurutera Elektrik Penguasa Kanan JKR yang juga Ketua Pasukan Projek berkenaan Dr Abdul Muhaimin Mahmud berkata, projek melibatkan pemasangan 85 keping panel solar, pembinaan struktur bangunan dan unit pengstoran tenaga itu bermula pada Januari 2025 dan siap pada Oktober tahun yang samamm, iaitu lebih awal daripada jadual.